

20/06/2000

Kenyataan PM buka minda Melayu

KANGAR, Isnin - Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa bukan Melayu berhak menjadi Perdana Menteri bertujuan membuka minda Melayu terhadap masa depan politik mereka, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hari ini.

Menurut beliau, kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu bukan luar biasa bagi sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Bagaimanapun katanya, realiti sekarang ialah orang Melayu pada Umno yang menunjangi Barisan Nasional (BN) menjadi pilihan sebagai Perdana Menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Umno Perlis di sini, hari ini, Muhyiddin berkata dalam senario politik semasa, perkara itu tidak akan berlaku.

(END)